

→ ISU

Tingkat peranan industri perkasa TVET

→ Langkah pastikan pelaburan besar kerajaan capai sasaran

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

■ Pekan

Peranan industri perlu diperkembangkan untuk memastikan pelaburan besar kerajaan bagi memperkisasikan program Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) mencapai sasarannya.

Saranan berkenaan diberikan Profesor Fakulti Teknologi Kejuruteraan Universiti Malaysia PAhang (UMP), Prof Madya Dr Abdullah Ibrahim yang melihat kepentingan pembabitan industri dalam pelaksanaan TVET seperti di negara

maju iaitu Jerman dan Jepun yang sudah berjaya melaksanakannya.

Abdullah berkata, banyak pusat latihan TVET diwujudkan sama ada disediakan kerajaan dan dimiliki syarikat swasta yang sudah beroperasi dengan baik serta tidak memerlukan penubuhan sebuah kementerian khusus untuk menguruskan seperti disarankan sebelumnya pihak baru-baru ini, sekali gus menimbulkan polemik.

"Perkara perlu diutamakan (dalam memperkisasikan TVET) ialah sejauh mana industri memainkan peranan mereka. Kita ambil contoh Jerman yang membina Mercedes dan pembangunan Honda oleh Jepun.

"Pembabitan industri adalah aktif sehingga mereka boleh mewujudkan silibus program dan aspek pembiayaan. Jerman contohnya mempunyai dwi sistem yang membabitkan pembelajaran di pusat latihan dan industri.

"Kita di Malaysia pun sudah mulai mengorak langkah apabila Kementerian Pendidikan Tinggi merenquerkan program zuji ia-



Perkara perlu diutamakan (dalam memperkisasikan TVET) ialah sejauh mana industri memainkan peranan mereka"

Abdullah Ibrahim,
Profesor Fakulti Teknologi
Kejuruteraan UMP

itu dua tahun di universiti dan dua tahun di industri. Karakter industri Malaysia dan negara terbabit jelas berbeza kerana di sana mereka faham pelaburan masa kini untuk latihan dapat beri keuntungan pada masa depan," katanya di UMP Kampus Pekan di sini, semalam.

Media sejak awal tahun lalu melaporkan beberapa isu dan permasalahan membabitkan TVET termasuk isu pengiktirafan, peruntukan pinjaman, isu sekolah harian yang menjalankan program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) galat ditauliahkan dan isu lain dikaitkan dengan pelaksanaannya membabitkan pelbagai kementerian serta agensi.

Peruntukan RM4.9 billion

Pada tahun ini, kerajaan memperuntukkan RM4.9 billion bagi melaksana pelan induk TVET dalam usahanya melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir untuk menyokong pertumbuhan ekonomi menerusi penyediaan pekerja untuk pelabur.

Mengulas lanjut, Abdullah yang

juga Penasihat Akademik UMP Advanced berkata, paling penting pembabitan industri dapat menyelesaikan masalah memasarkan pekerja dilatih di pusat latihan TVET yang berlaku pada masa kini kerana ia tidak menepati keperluan industri.

Katanya, kerajaan perlu mendidik dan meningkatkan jalinan kerjasama dengan pihak industri supaya pelaksanaan TVET benar-benar berkesan dan mencapai sasaran ditetapkan.

"Susah jika industri tidak memainkan peranan, mungkin bagi syarikat multinasional mereka tidak ada masalah kerana ada pusat latihan sendiri serta membawa segelintir individu. namun yang menjadi masalah adalah perindustrian kecil dan sederhana (PKS) yang menyumbang 80 peratus ekonomi negara.

"Mereka tidak mempunyai kemampuan kewangan membawa pelajar tetapi mereka inilah yang memerlukan pekerja mahir untuk diserap bagi mengembangkan perniagaan," katanya.